



## SIARAN MEDIA

### PELAKSANAAN SISTEM eBANTUANJKM DI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM) SARAWAK

**KUCHING, 13 JUN 2025** – YB Dato' Sri Hajah Nancy Binti Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, hari ini telah menyempurnakan **Majlis Perasmian Pelaksanaan Sistem eBantuan JKM di Sarawak**. Turut hadir, YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan Negeri dan Persekutuan Sarawak serta Jabatan/Agensi di bawah KPWKM.

Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (SPBK) yang dikenali sebagai sistem eBantuanJKM dibangunkan pada tahun 2006 dan dilancarkan pada tahun 2007. Sistem ini merupakan sistem atas talian yang mempunyai pangkalan data profil penerima bantuan JKM di seluruh Malaysia bertujuan memberi kemudahan berkaitan proses pengurusan dan pemantauan penerima bantuan JKM.

Bermula 1 April 2024, sistem ini telah diperluaskan ke negeri Sarawak bagi meningkatkan lagi kecekapan dalam pengurusan bantuan kewangan JKM yang lebih telus, berintegriti dan diyakini.

Berdasarkan statistik JKM sehingga Mac 2025, terdapat seramai 54,564 penerima bantuan di Sarawak daripada keseluruhan bantuan di peringkat Persekutuan dan Negeri yang berjumlah 549,948 penerima yang meliputi pelbagai skim bantuan.

Majlis yang diadakan pada hari ini di Sarawak adalah bertujuan:

- a. Memberi penghargaan kepada semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian yang terlibat dan memberi kerjasama dalam menjayakan penggunaan sistem eBantuanJKM sepenuhnya;
- b. Memberi pengiktirafan kepada agensi-agensi yang terlibat dalam pelaksanaan penggunaan sistem eBantuanJKM di Sarawak; dan
- c. Sebagai medium bagi membuka ruang kerjasama yang lebih erat pada masa akan datang terutamanya dalam pembangunan sistem eBantuanJKM yang baharu.

## **HALATUJU PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN BANTUAN KEBAJIKAN 2.0**

JKM sedang membangunkan Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (SPBK) 2.0 bahru berkonsepkan *end-to-end* secara dalam talian sepenuhnya menggunakan platform digital yang selamat dan berintegriti. Setiap permohonan bantuan akan diproses dengan lebih efisien melalui fungsi *business intelligence*, berintegrasi dengan MyGDX serta penggunaan teknologi *Geographical Information System* dan *Alert notification* daripada pelbagai saluran.

Sistem yang dijangka siap pada penghujung tahun 2026 ini merupakan sistem berimpak tinggi untuk menambahbaik penyampaian perkhidmatan

kepada penerima bantuan JKM dengan lebih cekap, pantas dan berkesan.

Inisiatif ini secara tidak langsung juga akan dapat meningkatkan kualiti pengetahuan dan kemudahan kepada rakyat ke arah celik digital dengan ketersediaan aplikasi yang boleh di akses di mana sahaja tanpa sempadan.

###TAMAT###

Disediakan oleh      **Unit Perhubungan Awam, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**  
No.Telefon            03-8323 1773 / 012-2351824  
Tarikh dikeluarkan    13 Mei 2025